

13 JUL 2002

Samy-Jambatan/I

K'JAAN LULUS PEMBINAAN JAMBATAN DI SUNGAI KURAU

PARIT BUNTAR, 13 Julai (Bernama) -- Kerajaan meluluskan pembinaan jambatan berharga RM80 juta di Sungai Kurau dekat ini bagi menggantikan perkhidmatan feri di situ, kata Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu.

Beliau berkata kelulusan itu dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan.

"Kita sudah mengeluarkan tender dan saya sudah pun menandatangani kontrak dengan kontraktor yang dipilih. Kerja akan bermula tidak lama lagi," katanya pada jamuan malam anjuran Bahagian MIC Parit Buntar di sini malam tadi bagi mengutip derma untuk Institut Perubatan, Sains dan Teknologi Asia (AIMST).

Beliau berkata jambatan sepanjang 250 meter yang akan menghubungkan Kuala Gula, sebuah destinasi pelancongan, dengan Kuala Kurau, akan menggantikan perkhidmatan feri yang kini dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Kerian.

Samy Vellu berkata pembinaan jambatan itu sudah lama tertangguh memandangkan keperluannya sudah dibangkitkan oleh ketua Umno bahagian Parit Buntar Datuk Abdul Rahman Sulaiman semasa beliau menjadi anggota Parlimen Parit Buntar.

"Atas permohonan beliau, saya sudah meminta JKR membuat reka bentuk. Kemudian kami meminta kelulusan Perdana Menteri ... beliau berjanji akan mengkajinya dan meluluskan projek itu baru-baru ini," katanya.

Samy Vellu bagaimanapun berkata pembinaan jalan akses ke jambatan itu belum diputuskan lagi kerana masih menunggu kelulusan Kementerian Kewangan.

"Namun, saya yakin kita akan menyelesaikan perkara itu sama ada bulan ini atau pada Ogos," katanya.

Samy Vellu berkata beliau akan memastikan semua bayaran pampasan kepada pemilik tanah terbabit akan dibayar secepat mungkin.

"Ini penting kerana JKR tidak pernah melewatkan bayaran itu. Kebiasaannya kami menyalurkan wang itu kepada Pejabat Tanah," katanya.

Sejumlah RM176,000 dikumpul pada jamuan itu yang turut dihadiri Abdul Rahman dan Pengerusi MIC Perak, Datuk G. Rajoo.

-- BERNAMA

AR LAT